

# Teliti rayuan kembalikan tanah adat kepada penduduk Tambisan

PM setuju serah balik hak, minta FELDA segera berunding dengan kerajaan Sabah

**Lahad Datu:** Kerajaan Persekutuan dan negeri serta FELDA, akan mengadakan perbincangan bersama untuk meneliti rayuan mengenai penyerahan semula tanah adat di Tambisan kepada penduduk terbabit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor sudah memaklumkan kepadanya mengenai rayuan daripada penduduk untuk mengembalikan tanah adat milik mereka.

"Ada sekitar 400 ekar (161.87 hektar) di Tambisan yang melibatkan FELDA. Saya akan minta FELDA untuk segera berunding dengan kerajaan negeri.

"Saya setuju untuk serah balik selepas dibuat ukuran teliti oleh kerajaan negeri dan saya minta juga FELDA," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Segalanya FELDA, di sini semalam.

Anwar berkata, perubahan kerajaan dan penantian puluhan tahun penduduk mendapatkan kembali hak tanah adat mereka didengar Kerajaan MADANI.

"Kalau saya umum hari ini, seperti saya sebut di Kota Kinabalu, saya tidak mahu ia berlarutan selama enam bulan kemudian.

"Hari ini umum, minggu depan patut mula kerja dan dalam tempoh satu hingga dua bulan tanah adat di Tambisan harus diselesaikan," katanya.

## Tubuh pusat dialisis

Anwar dalam pada itu turut meluluskan penubuhan sebuah pusat dialisis di FELDA Sahabat bagi memenuhi keperluan penduduk sekitar.

Katanya, keperluan keseluruhan rakyat Sabah sudah dibincangkan dengan kerajaan negeri,



Anwar menyampaikan sumbangan Skuad Maya kepada Timbalan Pengarah Besar Pembangunan Komuniti telda Datuk Mohd Banuri Aris (dua dari kiri) pada perasmian Majlis Santunan Budi Tautan Kasih FELDA MADANI di Padang Bandar FELDA Sahabat, Lahad Datu, semalam. Turut hadir, Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (kanan) dan Menteri Kewangan Sabah, Masidi Manjun. (Foto BERNAMA)

termasuk masalah tenaga elektrik serta bekalan air.

"Hal ini memerlukan peruntukan besar daripada kerajaan

Persekutuan. Jadi, janganlah dengar hasutan yang bangkang (menentang) ini. Kalau nak selamat rakyat Sabah, maka ker-

jasama baik di antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan adalah penting," katanya.

BERNAMA